5.2.2.2(2)	Contoh lain; rekaan motif ulangan menggunakan teknologi	250
5.2.2.2(3)	Hasil rekaan motif oleh R2 menggunakan bantuan komputer. Sumber: Ezrizikri, 2023	251
5.2.4.1(1)	Hasil merekabentuk secara manual (kiri) vs. merekabentuk secara digital (kanan) oleh R1	263
5.2.4.1(2)	Hasil merekabentuk secara manual (kiri) vs. merekabentuk secara digital (berlatar hitam) oleh R2	264
5.2.4.1(3)	Hasil merekabentuk secara manual (kiri) vs. merekabentuk secara digital (kanan) oleh R3	265
5.2.4.1(4)	Hasil merekabentuk secara manual vs. merekabentuk secara digital oleh R4 dan R5	266
5.3.2.3(1)	Visual susun atur skrin aplikasi Versi 1	309
5.3.2.3(2)	Visual susun atur skrin aplikasi Versi 2	310
5.3.2.3(3)	Perbandingan logo (kiri) adalah Versi 1 dan logo (kanan) adalah Versi 2 (baharu)	311
5.3.2.3(4)	Perbandingan paparan skrin aluan atau 'welcoming screen' versi 2 (kiri), skrin menu versi 1 (tengah), skrin menu versi 2 (kanan)	312
5.3.2.3(5)	Perbandingan paparan skrin pengenalan kepada kandungan kasut manik. Gambar kiri adalah versi 1, gambar kanan adalah versi 2	314

5.3.2.3(6)	Perbandingan paparan skrin permulaan merekabentuk. Gambar kiri adalah versi 1 dan gambar kanan adalah versi 2	315
5.3.2.3(7)	Perbandingan paparan skrin motif kasut manik. Gambar kiri adalah versi 1 dan gambar kanan adalah versi 2	316
5.3.2.3(8)	Perbandingan paparan skrin butang pelarasan. Gambar kiri adalah versi 1 dan gambar kanan adalah versi 2	317
6.4(1)	Brochur Kasut Manik berasaskan ‘Argumented Reality’ (AR), 2023	328
6.4(2)	Buku mewarna oleh Harriet Lim (2018)	330

SENARAI SINGKATAN

2D	2 Dimensi
3D	3 Dimensi
AI	Artificial Intelligent
BD	Britannica Dictionary
COVID	Corona Virus Disease
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DIKN	Dasar Industri Kreatif Negara
HCI	Human-Computer Interaction
ICT	Information and Communication Technology
IoT	Internet of Things
IP	Intellectual Property
IR 4.0	The Fourth Industrial Revolution
KABKM	Kategori Ahli Bidang Kasut Manik
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KKK	Kategori Kebolegunaan Aplikasi
KMPB	Kasut Manik Pixelmania Beads
KPBA	Kategori Pakar Bidang Aplikasi
MAG	Malaysia Aviation Group
MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
MTN	Muzium Tekstil Negara
NCERT	National Council of Educational Research and Training
NFT	Non-Fungible Token
PAPA	Penang Apprenticeship Programme for Artisan

PEU	Perceived Ease of Use
PHT	Penang Heritage Trust
PKKM	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
PPCM	Persatuan Peranakan Cina Melaka
PU	Perceived Usefulness
PVC	Poly Vinyl Chloride
R	Responden (R1, R2, R3, R4, R5)
RMK 12	Rancangan Malaysia Ke-12
RPM	Rapid Prototyping Model
SCPA	State Chinese Penang Association
ST	Soalan Temubual
TAM	Technology Acceptance Model
TBS	Temu Bual Soalan
TRA	Theory of Reasoned Action
TSB	Temubual Separa berstruktur
UI	User Interface
UNESCO	UN Educational, Scientific and Cultural Organization
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UTAUT	Unified Theory of Acceptance and Use of Technology
UX	User Experience
VR	Virtual Reality
WKB 2030	Wawasan Kemakmuran Bersama 2023

SENARAI LAMPIRAN

- A Kajian Lapangan: Gambar Kasut Manik dan motif-motif rekaan
- B Paparan Skrin Prototaip Aplikasi Versi 1 dan Versi 2
- C Hasil merekabentuk motif secara manual
- D Hasil merekabentuk motif menggunakan aplikasi mudah alih
- E Surat Perakuan Pengesahan Pelajar
- F Surat Pengesahan Menjalankan Penyelidikan
- G Surat Lantikan Panel Pakar Pengesahan Kandungan dan Instrumen
- H Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
- I Borang Persetujuan Menjalankan Temubual
- J Tentatif Menjalankan Temubual
- K Borang Maklumbalas Kajian Rintis
- L Tiga (3) Set Soalan Temubual (Ahli Bidang Kasut Manik, Pakar Bidang Aplikasi dan Perantis), Analisis Data Rawatan-Transkripsi Temubual Dan Pengekodan Kata Kunci
- M Slide pembentangan VIVA bertarikh 10/5/2024



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini bertujuan untuk membincangkan latar belakang kajian secara komprehensif dengan memberikan maklumat yang mendalam kepada pembaca tentang beberapa aspek penting yang membentuk landasan kajian ini. Penerangan yang diberikan adalah mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah dan isu semasa yang menjadi tonggak utama penyelidikan ini. Selain itu, bab ini akan merungkai tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan kerangka kajian. Bab ini juga akan menetapkan batasan kajian dan kepentingan kajian dalam konteks yang lebih luas.

1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia memiliki kekayaan khazanah warisan seni budaya yang diwarisi daripada generasi terdahulu secara turun temurun dan kekal terpelihara sehingga kini supaya dapat disampaikan kepada generasi baru. Warisan adalah suatu bentuk peninggalan hasil perbuatan terdahulu yang menjadi amalan, budaya dan panduan kehidupan sesuatu masyarakat selepasnya.



Akta Harta Purba 1976 menakrifkan warisan sebagai suatu tinggalan turun temurun sama ada ianya berbentuk buatan manusia atau semulajadi, boleh alih atau tidak boleh alih serta tampak atau tidak tampak (Yusoff & Hanafiah, 2015). Secara dasarnya, Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau lebih dikenali sebagai ‘UN Educational, Scientific and Cultural Organization’ (UNESCO) membahagikan warisan kepada dua kategori utama iaitu warisan ketara (‘tangible heritage’) dan warisan tidak ketara (‘intangible heritage’). Warisan ketara adalah sesuatu yang dapat dilihat, disentuh dan dirasai secara langsung seperti artifak dan hasil seni. Berbeza dengan warisan tidak ketara yang tidak dapat dilihat mahupun disentuh oleh pancaindera seperti amalan adat istiadat, cerita rakyat dan ilmu kemahiran.

Etnik Peranakan Baba dan Nyonya merupakan etnik yang istimewa kerana ia merupakan etnik dari keturunan Cina yang terdapat di negeri-negeri Selat, khususnya di negeri Melaka dan Pulau Pinang. Bagaimanapun sebahagian daripada mereka tidak mahu mengakui bahawa mereka adalah kaum Cina, sebaliknya adalah rakyat British yang berasimilasi dengan budaya, adat resam dan kesenian Melayu. Keadaan ini telah mewujudkan istilah “peranakan” apabila berlaku perkahwinan campur di antara kaum Cina dan masyarakat tempatan.

Peranakan Baba dan Nyonya memiliki khazanah kesenian warisan yang unik, terutamanya seni kasut manik yang pernah popular pada lewat abad ke-15. Meskipun pelbagai usaha telah dilakukan, seni kraf ini seperti kehilangan identiti menjelang tahun 2000 (Kim, 2003). Dalam sebuah kenyataan Allahyarham Tun Endon Mahmood (2004),



isteri bekas Perdana Menteri Malaysia ke-5, Tun Abdullah Ahmad Badawi, yang bergiat aktif dalam kesenian negara, beliau menyatakan bahawa pelbagai elemen kebudayaan kolektif Malaysia sedang mengalami pengikisan dan berisiko lenyap keseluruhannya sekiranya tindakan tidak diambil untuk memelihara atau merekodnya bagi keperluan rujukan generasi akan datang.

Tidak seperti kaum-kaum lain, etnik Peranakan Baba dan Nyonya dilihat tidak mengalami peningkatan populasi sebaliknya berlaku pengecilan populasi apabila hanya seramai 600 orang sahaja keturunan sebenar Peranakan Baba dan Nyonya yang masih wujud dan angka tersebut dilihat semakin menurun saban tahun. Keadaan ini adalah disebabkan warisan tradisi Peranakan tidak lagi diwarisi dan diamalkan oleh generasi baru pada masa kini (Malaysia, 2008). Zakaria (2017) pula meringkaskan bahawa pengecilan populasi, ketandusan pewaris sebenar Baba dan Nyonya dan cabaran teknologi semasa telah menyebabkan industri kraftangan kasut manik ketinggalan berbanding industri kraftangan yang lain di Malaysia. Manakala, menurut felo penyelidik di Institut Alam & Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia, kurangnya kesedaran dan penghayatan budaya asal mungkin menyumbang kepada kehilangan identiti Peranakan. Ketidaksambungan budaya ini berlaku apabila orang ramai tidak cukup kerap memakai kasut manik dan tiada usaha untuk memajukannya. Bagi memastikan kasut manik berkembang maju dalam gelombang pemodenan, elemen modenisasi perlu disuntik bagi meningkatkan promosi kraftangan ini kepada generasi muda (Roh Mahwati, 2021).





Seiring berlalunya waktu, pemeliharaan warisan turut mengalami perubahan ekoran ‘The Fourth Industrial Revolution’ (IR 4.0) yang telah berkembang pesat menjelang tahun 2020 dengan jangkaan bahawa jumlah peranti komunikasi akan melebihi jumlah manusia sebenar. Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) yang telah diperkenalkan di Hannover Fair pada bulan April 2011 menandakan bahawa gelombang teknologi akan mengubah landskap kehidupan manusia. Kebergantungan internet dan teknologi digital menjadi nadi utama kepada generasi baharu (Scoop, 2018). Pada era ini juga, lambakan ciptaan kecerdasan buatan (‘artificial intelligence’) menjadikan kehidupan manusia lebih moden dan serba-serbi canggih sehingga mampu mensejahterakan manusia sejagat.



1.3 Pernyataan Masalah

Dalam kebanyakan penyelidikan yang lepas, terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan bagi mengangkat martabat seni warisan kasut manik. Antaranya oleh penyelidik Sohaimi Zakaria et.al (2017), yang menyatakan bahawa kajian komprehensif mengenai warisan seni kasut manik tidak begitu meluas dilakukan, kecuali beberapa penerbitan yang bertujuan untuk mempromosi dan pengenalan kepada pengusaha melalui majalah dan akhbar. Sohaimi mengambil pendekatan untuk menerokai pengalaman mewarisi pengetahuan dan kemahiran seni kasut manik menerusi penulisan artikelnya. Kemudian pada tahun 2018, Azam Azmi et.al telah menerbitkan artikel yang bertajuk ‘Beaded Shoes: The Culture of Baba and Nyonya’. Kajian ini lebih tertumpu kepada falsafah, kepelbagaian manik dan ringkasan kaedah pembuatan kasut manik. Pada tahun



2019 pula, terdapat sebuah penulisan penyelidikan sarjana oleh Siti Khadijah Farhah, yang mengupas tentang perincian motif dan warna dalam kasut manik tradisional Cina Peranakan.

Berdasarkan penyelidikan lepas yang disebutkan, masih terdapat beberapa aspek lain yang belum diberi perhatian dan menjadi jurang penyelidikan antaranya aspek teknologi digital. Dalam kenyataan isteri mantan perdana Menteri Malaysia ke-6, Datin Seri Rosmah Mansur (2018), yang menegaskan bahawa industri kraftangan negara sedang pesat menerima gelombang transformasi digital yang dijangka mewujudkan mega-trend baharu dalam pelbagai aspek. Hal ini akan memberi kesan kepada industri kraf tanahair pada masa akan datang. Justeru, persediaan bagi mempertingkatkan kepelbagaian nilai perlu dilakukan seiring dengan kepesatan teknologi semasa.

Oleh yang demikian, merujuk kepada Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) yang ditatakelola oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, terdapat tiga skop utama DIKN, iaitu multimedia, seni budaya dan warisan budaya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan yang perlu dilakukan secara berterusan dengan menghasilkan inovasi baharu dan menambah nilai kepada produk sedia ada. Dalam Strategi 5 DIKN, telah menekankan galakan inovasi dan penggunaan teknologi dalam kemajuan penciptaan produk tanpa mengurangkan kualiti dan keaslian produk. Namun, sehingga kini, penggunaan teknologi masih di tahap minimum berbanding keperluan dan kehendak industri. Hal ini mewujudkan kelemahan kawalan kualiti dan risiko kepupusan sesuatu kemahiran jika ia tidak diuruskan dengan baik. Manakala, statistik Wawasan

Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), membuktikan bahawa tahap penggunaan teknologi adalah masih rendah dalam sektor pembuatan iaitu hanya sebanyak 37% walaupun sektor tersebut menyumbang sebanyak 79% kepada (Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Oleh itu, berdasarkan keperluan teknologi dalam pembuatan produk industri kreatif, kajian ini berfokus kepada proses merekabentuk motif yang merupakan salah satu proses penting dalam penghasilan kasut manik. Menurut seorang guru kasut manik yang terkenal, May Lim (2018), merekabentuk motif adalah satu proses yang sukar dilakukan oleh pemula, terutamanya yang tidak mempunyai asas seni. Ini kerana di permulaan proses membuat kasut manik, motif-motif yang dipilih perlu dilukis terlebih dahulu dan diwarnakan mengikut petak-petak grid pada kertas graf. Hal ini menyebabkan proses merekabentuk mengambil masa yang lama dan melunturkan minat generasi baharu yang baru berjinak-jinak dalam seni pembuatan kasut manik.

Justeru, bagi menarik perhatian golongan muda terutamanya perantis baharu dalam mendekati produk kraf tempatan, teknologi digital memainkan peranan penting dalam usaha memberi pengalaman integrasi teknologi maya yang unik, selain untuk memperkasa minat penggiat industri kraf tanah air (Ibrahim, 2019). Tambahan pula, golongan 'digital natives' iaitu generasi yang lahir dan berkembang dalam dunia digital pada hari ini, tanpa mengira latar belakang, dapat menyelesaikan masalah dengan cara mereka sendiri iaitu dengan bantuan peralatan digital dan internet (Rashedul, 2010). Pemilihan penggunaan aplikasi mobil adalah kerana keupayaan daya kebolehbacaan,

kebolehaksesan, interaksi ‘real-time’, di mana-mana dan pada bila-bila masa (Picoto et.al, 2019). Menurut Yatim (2019) dalam DIKN, integrasi teknologi dan multimedia ini dapat membuka ruang dan peluang kepada generasi muda untuk terus berkarya memartabatkan warisan budaya.

Kewajaran kajian ini dijalankan adalah merujuk kepada 8 Pemboleh Daya WKB 2023, antaranya ialah masyarakat berpencerahan menjadi aspek pendorong kajian ini, iaitu membudayakan pembelajaran berterusan bagi meningkatkan pengetahuan, perkongsian pengalaman dan empati. Dengan kaedah pembuatan yang lebih mudah, pengalaman pengguna dapat ditambahbaik sehingga mampu meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan mutu inovasi produk sekaligus memangkin penjenamaan produk tempatan ke persada antarabangsa.

1.4 Tujuan Kajian

Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengkaji bagaimana pembangunan aplikasi mobil dapat memperbaharui kaedah merekabentuk motif kasut manik (dari kaedah manual kepada kaedah digital) dan membuka ruang baharu kepada potensi merekabentuk yang lebih baik bagi memudahkan proses pembuatan rekaan kasut manik. Dengan penyatuan unsur-unsur tradisional dan elemen teknologi digital, motif kasut manik yang baru dan unik dapat dicipta dengan mengekalkan ciri-ciri budaya dan estetika warisan Baba dan Nyonya. Secara tidak langsung, pemeliharaan dan kelestarian seni kasut manik budaya Peranakan Baba dan Nyonya dapat dikekalkan.

1.5 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif kajian penyelidikan;

- i. Mengenalpasti identiti motif kasut manik Peranakan Baba dan Nyonya.
- ii. Membandingkan kaedah merekabentuk motif secara manual dan digital dalam penghasilan muka kasut manik.
- iii. Membangunkan prototaip aplikasi mobil berdasarkan ciri merekabentuk yang telah dikenalpasti.
- iv. Mengesahkan kebolegunaan aplikasi mobil di kalangan perantis kasut manik.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah berdasarkan objektif yang telah dinyatakan, iaitu;


- i. Apakah identiti motif yang terdapat pada kasut manik Peranakan Baba dan Nyonya?
- ii. Apakah perbandingan kaedah merekabentuk motif secara manual dan digital dalam penghasilan muka kasut manik?
- iii. Apakah ciri merekabentuk yang telah dikenalpasti bagi membangunkan prototaip aplikasi mobil?
- iv. Bagaimanakah kebolegunaan aplikasi mobil di kalangan perantis kasut manik?

1.7 Kerangka Kajian

Kerangka kajian yang dihasilkan adalah bertujuan sebagai garis panduan bagi memastikan kelancaran proses penyelidikan yang dijalankan. Kajian ini terbahagi kepada dua proses iaitu proses pembangunan penyelidikan dan proses eksperimentasi atau proses pembangunan dan ujikaji prototaip. Kedua-dua proses ini adalah saling berkait di antara satu sama lain.

Dalam menjayakan proses pembangunan penyelidikan, kajian yang bertajuk ‘Pembangunan Aplikasi Mobil Dalam Kaedah Merekabentuk Identiti Motif Kasut Manik Peranakan Baba dan Nyonya’ ini adalah bersandarkan kepada permasalahan isu semasa, yang kemudiannya menentukan tujuan, objektif, persoalan kajian dan kepentingan kajian. Objektif kajian ini didasari oleh beberapa teori dan kerangka model yang berkaitan. Kemudian, kajian ini akan disokong oleh pengumpulan kajian-kajian lepas (kajian literasi) yang dapat memperkukuhkan maklumat sedia ada melalui pandangan kritis tokoh-tokoh dalam bidang berkaitan.

Bagi proses eksperimentasi pula, metodologi kajian yang digunakan akan membina sebuah prototaip sebelum dianalisis oleh pakar dalam bidang berkaitan. Kajian yang bersifat kualitatif ini akan menemubual beberapa ahli atau pakar-pakar terpilih dan perantis (pengguna aplikasi) bagi menilai kebolegunaan prototaip yang dibangunkan dengan perincian analisis dan cadangan penambahbaikan. Berikut adalah merupakan ringkasan kerangka kajian yang telah disediakan;



Rajah 1.7. Kerangka Kajian Penyelidik

1.8 Definisi Operasional

Istilah atau definisi operasional amat penting bagi menjelaskan makna sebenar kajian yang dijalankan. Berikut merupakan takrif istilah yang telah digunakan:

a) Pembangunan

Pembangunan merupakan proses, usaha atau kegiatan membangunkan (bagi mencapai kemajuan dan perkembangan (DBP, 2017). Pembangunan adalah usaha untuk memperbaiki dan meningkatkan kualiti hidup manusia. Usaha ini dilakukan dengan merangkumi nilai-nilai falsafah, budaya bangsa, dan kemajuan sains serta teknologi dalam era global ini. Ini bermakna, pembangunan tidak hanya melibatkan aspek ekonomi, tetapi juga memperhatikan aspek sosial, budaya, dan teknologi yang berkaitan dengan kehidupan manusia (Muhammad Fadhil, 2015).

b) Aplikasi mobil

Aplikasi mobil (aplikasi mudah alih) atau *mobile app* adalah sebuah program yang dimuatnaik ke dalam alat mudah alih dan boleh digunakan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja (Md. Rashedul et.al, 2010). Albirini (2007) dan Halverson (2009) menambah bahawa kemunculan teknologi media baru ini telah memberi transformasi dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Transformasi tersebut termasuklah cara berfikir, cara bekerja, cara belajar dan cara untuk berkomunikasi.

c) Kaedah merekabentuk

Reka bentuk seringkali dapat dilihat pada hasil dan imej pada sesuatu produk seni atau kraf. Merekabentuk merupakan sebuah idea dan komunikasi tampak dalam mencipta garis, bentuk, warna dan tekstur bagi mencipta komunikasi dengan capaian simbol dan imej bergambar kepada khalayak. Menurut Lawson (1994) lagi, reka bentuk adalah unsur yang memiliki fungsigunaan dan fungsi hiasan yang melibatkan proses penting iaitu, proses memikirkan, proses melihat dan proses membuat. Proses-proses ini tidak berlaku secara urutan, sebaliknya boleh dilakukan secara bertindih di antara satu sama lain. Reka bentuk di bahagikan kepada dua perkara, iaitu produk dan proses. Kedua-dua perkara ini melibatkan sumber asli dan sumber buatan manusia

d) Identiti

Menurut Hazlin (2019), identiti memperlihatkan keistimewaan yang dapat membantu masyarakat untuk mengenal perbezaan budaya, agama dan politik, selain menggambarkan jati diri dan karakter sesebuah kelompok masyarakat. Identiti boleh berubah-ubah dan membawa makna tertentu dalam masyarakat. Identiti menurut Sidek (2011), identiti adalah berkaitan asas fitrah yang berkait dengan budaya gaya hidup, cara berfikir dan sistem nilai yang diamalkan oleh sesuatu budaya bangsa. Dalam kata mudahnya, identiti adalah cerminan persona peribadi berdasarkan tujuan pelaku yang dipengaruhi oleh nilai sejarah, geografi, pengalaman dan ideologi (Manuel, 1997).

e) **Motif**

Manakala, motif pula dikenali sebagai simbol bagi suku kaum, yang mana ia dipengaruhi oleh amalan, budaya dan cara hidup sesebuah masyarakat. Edward Smith (1993) menjelaskan bahawa motif merupakan sebuah elemen yang berbeza atau boleh dipisahkan dalam sesebuah rekabentuk seperti lukisan, seni kraftangan, dan bangunan. Menurut Haziyah Hussain (2006), motif adalah gambaran visual atau imej yang menjadi ragam hias corak sesuatu permukaan, yang berfungsi untuk mengindahkan, mencantikkan dan menambah nilai sesuatu ciptaan. Terdapat beberapa sumber motif yang meliputi sumber tumbuh-tumbuhan (buah, bunga, daun, sumber kosmos, sumber hidupan dan sumber alam bumi)(Haziyah Hussin et.al, 2009).

f) **Kasut manik**

Kasut manik merupakan sepatu atau kasut buatan tangan yang merupakan salah satu daripada seni sulaman halus. Ia merupakan buatan tangan sepenuhnya dengan hiasan motif rekaan tersendiri menggunakan manik pelbagai warna dan material oleh ahli seni kraf yang mahir. Seni berkemahiran tinggi ini diwarisi oleh keturunan Baba dan Nyonya (Zakaria, 2017). Kasut manik sering dipakai bersama baju kebaya dan kain sarung, manakala motifnya pula banyak dipengaruhi oleh era penjajahan British sekitar tahun 1820 sehingga 1914 (Peter Ong, 2022).

g) Peranakan Baba dan Nyonya

Pengertian ‘peranakan’ merujuk kepada keturunan yang lahir secara tempatan di Tanah Melayu dan Indonesia, atau keturunan daripada perkahwinan campuran antara orang asing (terutamanya pendatang Cina) dengan penduduk tempatan. Istilah ini merangkumi keturunan campuran tanpa mengambil kira etnik mereka. Di samping masyarakat Cina, terdapat juga komuniti peranakan lain di Malaysia seperti Peranakan India Hindu (Chetti), Peranakan India Muslim (Jawi Peranakan), dan Peranakan Eurasia (Kristang) (Noriah Mohamed, 2016). Istilah ‘Baba’ digunakan untuk merujuk kepada lelaki Cina di Negeri-negeri Selat, yang dipinjam dari India dan mungkin berakar dari perkataan ‘bapa’ dalam bahasa Melayu. Istilah ini dianggap sebagai tanda penghormatan yang setara dengan ‘tuan’ atau ‘taikun’ oleh ahli sejarah. (Lee, 2008). Sementara itu, istilah ‘nyonya’ tidak terbatas kepada wanita Cina kelahiran Selat sahaja, tetapi juga menggunakan istilah seperti ‘nyonyah’, ‘nonya’, dan ‘nona’ di kalangan wanita Melayu, Sumatera, dan Jawa yang belum berkahwin (Khoo, 1996).

1.9 Batasan Kajian

Batasan kajian merupakan ruang lingkup yang dihadkan dan ditetapkan samaada boleh dikawal atau tidak boleh dikawal oleh penyelidik. Antara batasan kajian yang wujud dalam penyelidikan ini adalah;

- a) Sumber rujukan berdasarkan tahun cetakan (secara ilmiah) adalah terhadap berbanding dengan sumber rujukan tidak rasmi seperti majalah, surat khabar, 'website' dan 'youtube'. Sumber rujukan yang dimaksudkan adalah berkaitan Peranakan Baba dan Nyonya dan kesenian kasut manik.
- b) Rekaan motif-motif yang diterapkan ke dalam aplikasi adalah motif-motif yang dikumpul sendiri oleh penyelidik berdasarkan kajian lapangan yang dijalankan. Tiada spesifik tahun pembuatan yang ditetapkan.
- c) Lokasi pengumpulan motif terhadap kepada tiga negeri sahaja, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka sahaja memandangkan negeri ini (Melaka dan Pulau Pinang) merupakan tumpuan utama komuniti Peranakan Baba dan Nyonya di Malaysia yang masih wujud sehingga kini. Selain itu, Muzium Tekstil Negara, Pasar Seni di Kuala Lumpur juga menjadi lokasi pemerhatian dan kajian lapangan penyelidik.

- d) Aplikasi ini merupakan sebuah aplikasi prototaip untuk merekabentuk motif kasut manik bagi menggantikan kaedah tradisional. Oleh itu, hanya beberapa contoh rekaan kasut manik yang akan digunakan dalam aplikasi ini.
- e) Prototaip bagi aplikasi yang dibangunkan belum boleh dikomersilkan sepenuhnya kerana memerlukan dana penambahbaikan, pemurnian kandungan aplikasi dan pendaftaran harta intelek.
- f) Oleh kerana kajian ini adalah kajian kualitatif, kajian ini akan dinilai kesahannya oleh pakar-pakar dalam bidang kasut manik (tiga orang) dan pakar bidang aplikasi (tiga orang), iaitu menerusi temubual separa berstruktur bagi menguji kandungan dan kebolehgunaan. Manakala, bagi tahap penerimaan teknologi semasa dalam memelihara warisan Peranakan Baba dan Nyonya akan dikesahkan oleh beberapa perantis (lima orang) berdasarkan kriteria yang ditetapkan (rujuk bab 4).

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memperkaya pengetahuan dan kreativiti di kalangan generasi perantis dengan memperkenalkan pendekatan yang lebih moden dalam kaedah merekabentuk dan penghasilan motif yang lebih beraneka. Kompilasi rekacorak yang dihasilkan melalui aplikasi mobil dapat didokumentasikan dan dikatalogkan sebagai pengkalan data dan panduan profesional untuk rujukan masa hadapan.

Selain itu, penyelidikan ini dapat membantu generasi perantis untuk memahami dan menghayati seni kasut manik tradisional melalui pengalaman teknologi terkini, membangkitkan pengalaman pengguna yang lebih berkesan, menarik minat mereka terhadap seni budaya Peranakan dan menggalakkan penyertaan aktif dalam memelihara seni warisan kasut manik. Generasi perantis juga dapat mempelajari sejarah, identiti motif dan merekabentuk motif dengan mudah dan cepat. Keadaan ini dapat menjadikan kemajuan teknologi aplikasi mobil sebagai peluang baharu untuk memudahkan usaha memelihara warisan kasut manik sebagai kelangsungan maklumat generasi di masa akan datang.

Selain menyumbang kepada peningkatan ilmu pengetahuan di kalangan penyelidik dan pengguna aplikasi, kajian ini juga diharapkan dapat membantu negara Malaysia dalam menyediakan sumber informasi warisan kasut manik yang berkualiti tinggi dan boleh diakses dengan mudah sejajar dengan usaha kerajaan untuk membangunkan sebuah negara pintar menjelang 2030.

1.11 Rumusan

Secara keseluruhan, Bab 1 Pengenalan ini memberikan bayangan menyeluruh berkaitan latar belakang kajian, masalah yang dibincangkan, tujuan dan objektif kajian, persoalan-persoalan yang akan dijelajahi, kerangka kajian, batasan kajian, dan kepentingan kajian ini dalam konteks yang lebih luas. Justeru, perbincangan mengenai lanjutan kajian-kajian lepas akan dihuraikan pada bab seterusnya, iaitu Bab 2 Tinjauan Literatur.